

# Desa: Malaysia contohi Korea

SEOUL, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan mencontohi konsep pembangunan semula desa Republik Korea dalam meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar.

Katanya, konsep "Saemual" Korea itu sama seperti rancangan pembangunan luar bandar Malaysia dan berjaya.

Sejak dilancarkan, projek itu meningkatkan pendapatan para petani

## Oleh SHUKOR HAJI AHMAD

Korea 14 kali ganda ke AS\$9,000 (kira-kira M\$19,000) setahun.

Beliau, bagaimanapun, menyatakan teknik-teknik konsep tersebut perlu diubahsuai dengan keadaan tempatan sebelum dapat

dilaksanakan.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu para pemberita demikian di akhir jawatan rasmi enam hari di sini hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Menteri Per-

dagangan dan Perindustrian, hubungan Korea dengan Malaysia dan rantau ASEAN keseluruhannya, adalah cerah.

Menurutnya, beliau berpuas hati dengan hasil lawatannya ke republik tersebut.

Timbalan Perdana Menteri juga menyebut kemungkinan Malaysia mengeksport gas selainya ke negara itu bila projek gas asli cecairnya di Bintulu, Sarawak memulakan pengeluaran dalam tahun 1983.

Beliau berpendapat, masanya sudah tiba bagi Korea mengalihkan perhatian terhadap rantau ASEAN, memandangkan rakan-rakan perdagangan negara itu di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun, kini menghadapi persaingan hebat akibat kenaikan kos tenaga.

Terdahulu dari itu, Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah, melawat Masjid Pusat Seoul dan mendengar taklimat Imam masjid tersebut, Haji Mohamad Yusoff, tentang perkembangan kira-kira 13,000 umat Islam di Korea.

Umat Islam negara itu sudahpun mempunyai masjid di sini dan di Phusan dan bercadang membina sebuah lagi kira-kira 40 km dari sini.